

19/11/2001

PBS perlu ikrar taat setia sepanjang masa bersama BN

PEKAN, Ahad - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata Parti Bersatu Sabah (PBS) perlu membuat ikrar taat setia sepanjang masa bersama Barisan Nasional (BN), jika ia berhasrat menyertai semula BN.

Katanya, walaupun Umno mengalu-alukan hasrat PBS itu, latar belakang parti pembangkang berkenaan tetap mampu menimbulkan pertanyaan sama ada ia boleh patuh kepada BN dan tidak akan mengulangi peristiwa lalu.

"Sebab itulah PBS perlu memberi pengakuan kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi BN, bahawa dalam apa jua keadaan, mereka akan tetap bersama BN," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bantuan wang tunai dan al-Quran kepada wakil masjid dan surau di daerah ini.

Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, PBS boleh menyertai BN jika mereka sanggup mematuhi prinsip dan dasar serta tidak membelot atau membuat sesuatu yang memburukkan.

Bagaimanapun, katanya, beliau perlu mendapatkan persetujuan penuh daripada semua parti komponen BN, terutama parti di Sabah walaupun beliau berpuas hati dengan penyesalan dan jaminan oleh Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika mengulas hasrat PBS itu, semalam, berkata pihaknya sanggup menelan maruah dan melupakan 'lukanya' demi kebaikan negara.

Ini kerana beliau sendiri membawa permohonan PBS untuk menjadi ahli BN pada tahun 1986 tetapi empat tahun kemudian, parti itu bertindak keluar daripada BN tanpa memaklumkan parti komponen lain.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, menegaskan PBS juga perlu meyakinkan parti komponen BN di Sabah bahawa parti itu sudah sedar mengenai kesilapan mereka.

"PBS perlu memberi jaminan tidak akan melakukannya lagi dan tetap setia kepada BN sepanjang masa," katanya.

Mengenai persediaan Malaysia menghantar pasukan pengaman ke Afghanistan, beliau berkata, ia tertakluk kepada keputusan Kabinet tetapi biasanya, kerajaan tidak menghadapi masalah untuk memenuhi permintaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita ada pasukan dan kelengkapan untuk dihantar ke negara berkenaan. Jika PBB mengemukakan permohonan, kita boleh menunaikannya selepas Kabinet bersetuju," katanya.

(END)